

29/07/2001

Kenapa Hishammuddin `berat mulut' buat keputusan?

Razali Yahya

NASIHAH seorang ayah kepada anaknya ke arah kebaikan memang menjadi tanggungjawab yang dituntut oleh semua agama. Tetapi apabila si anak tidak mempedulikan atau tidak menghiraukan nasihat si ayah, maka istilah yang kerap digunakan dalam situasi ini ialah si anak bukan sahaja disifatkan sebagai "kurang ajar" tetapi dalam bahasa yang lebih sopan ia disebut "tidak reti bahasa."

Justeru itu, orang Melayu yang memang dikenali kaya dengan istilah bahasa yang lembut dan halus, akan bertindak bijaksana ketika memperkatakan sesuatu dalam bentuk bahasa kiasan. Ia digunakan untuk menyampaikan sesuatu tidak secara "direct" tetapi bahasa kiasan itu cukup mendalam apabila ditujukan kepada seseorang. Misalnya "paku dulang paku serpih, mengata orang dia yang lebih." Bahasa kiasan ini mempunyai makna mendalam yang ditujukan kepada seseorang yang suka menyalahkan orang lain tetapi pada hakikatnya dia lebih buruk dan teruk lagi.

Begitulah gambaran halus dan lembutnya bahasa kiasan yang terdapat dalam bahasa Melayu. Justeru, disebabkan isu pemilihan bola rasmi acara sepak takraw Sukan Sea XXI antara Marathon (keluaran Thailand) dan Gajah Emas (keluaran Malaysia) belum lagi sampai ke penghujung, kita melihat "orang kita" yang mendokong teraju baik di Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Majlis Sukan Negara (MSN), Persekutuan Sukan Sea (SGF) dan Persekutuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) memang layak mereka yang berkenaan disebut "tidak reti bahasa". Ini kerana segala pandangan dan pendapat pelbagai pihak berhubung isu pemilihan bola rasmi takraw Sukan Sea yang dilemparkan kepada pegawai-pegawai terbabit, nampaknya seperti "mencurahkan air di daun keladi".

Memang cukup malang apabila "orang kita" yang berada dalam badan-badan yang disebut tadi dan diharapkan dapat bertindak bijaksana menyelesaikan isu jenama acara takraw Sukan Sea, bukan sahaja "tidak reti bahasa" tetapi mereka seolah-olah sudah tidak boleh berfikir dengan baik. Ini kerana mereka sudah tidak dapat membezakan bola jenama keluaran tempatan (Gajah Emas) dengan produk keluaran Thailand, Marathon. Sekalipun Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa (Istaf) yang dimonopoli pegawai-pegawai Thailand mempertahankan mahu menggunakan jenama Marathon sebagai bola rasmi temasya dwitahunan itu, pegawai-pegawai kita tidak sepatutnya tunduk dengan kemahuan musuh tradisi itu.

Sebagai tuan rumah temasya yang menampilkan negara-negara yang berada di bawah payung Asean, kita juga mempunyai hak mutlak untuk mempertahankan jenama barangan keluaran tempatan sebagai bola rasmi acara sepak takraw Sukan Sea, September ini. Kita memang pelik dan hairan selepas isu ini hebat diperkatakan dan difahamkan sebuah mesyuarat khas membabitkan empat pihak sudah diadakan di sebuah hotel di Kuala Lumpur pada 14 Julai lalu, tetapi sehingga hari ini pegawai-pegawai terbabit masih terus "menutup mulut". Kita juga difahamkan, mesyuarat berkenaan telah mengambil keputusan untuk menggunakan jenama tempatan, Gajah Emas sebagai bola rasmi Sukan Sea di Kuala Lumpur, September ini.

Hari ini, genap 15 hari mesyuarat khas itu sudah berlalu tetapi tidak ada seorang pun pegawai dari KBS termasuk Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein berani membuat kenyataan rasmi berhubung dengan isu pemilihan bola rasmi acara sepak takraw Sukan Sea itu. Difahamkan mesyuarat khas itu dipengerusikan Ketua Setiausaha KBS, Datuk Zabri Min; wakil pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia, Tuan Rahim Tuan Bahru; Presiden

(PSM), Datuk Saidin Thamby dan Setiausaha Agung PSM, Syed Yazid Syed Abdan. Zabri turut memanggil dua wakil Gajahtakraw Industries Sdn Bhd iaitu pengarahnya Kevin Lim dan pegawai perhubungan awamnya, Abdul Rahim Yaakob.

Mesyuarat itu selanjutnya meminta Saidin memberikan taklimat panjang lebar mengenai kekecohan antara jenama Marathon dengan Gajah Emas, selain bertanya kemungkinan Thailand menarik diri jika bola buatan Malaysia digunakan. Saidin memberikan penjelasan terperinci dan kemudian merumuskan Malaysia mesti menggunakan Gajah Emas iaitu barangan tempatan sebagaimana keputusan mesyuarat awal dengan KBS.

Setiausaha agung PSM, Syed Yazid turut diminta menerangkan keputusan mesyuarat tergepar Istaf di Bangkok 8 Julai lalu dan beliau antara lain menegaskan Istaf sering menyalahgunakan kuasa termasuk berhubung dengan isu kiraan 21 mata dan bola rasmi takraw. Selepas mendengar penjelasan semua pihak itu, Zabri dilaporkan berkata akan membawa keputusan mesyuarat berkenaan kepada Menteri Datuk Hishammuddin. Bagaimanapun, sehingga hari ini dan Sukan Sea hanya tinggal 41 hari lagi, pihak-pihak terbabit masih belum membuat kenyataan sedangkan keputusan dilaporkan sudah dicapai pada mesyuarat khas 14 Julai lalu.

Sekalipun keputusan rasmi belum dibuat, nampaknya pegawai-pegawai sukan terbabit sudah mula ada sedikit kesedaran dan ini menepati aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan rakyat Malaysia mengutamakan barangan keluaran tempatan. Keputusan ini memang tepat dan sekali gus memecah tembok keegoaan Istaf yang pada kongres tergepar badan itu 8 Julai lalu di Bangkok mahu terus menggunakan Marathon, produk keluaran Thailand.

Sudah tiba masanya pegawai-pegawai sukan kita di KBS lebih tulus dan telus dalam menangani isu ini agar ia menepati aspirasi Dr Mahathir yang mahukan rakyat Malaysia mengutamakan barangan keluaran tempatan. Tidak ada sebab kita dan pegawai-pegawai sukan harus mengetepikan hasrat Perdana Menteri itu apatah lagi pembohongan paling besar Istaf apabila melantik bendahari Booncai Lorphipat yang pada masa yang sama adalah pemilik Marathon Thailand Company Limited. Jadi, bagaimana dia boleh menandatangani kontrak Istaf berhubung penggunaan jenama Marathon, yang sepatutnya badan sukarela tidak boleh meraih keuntungan dan pada masa yang sama dia mewakili syarikatnya. Apa semuanya ini? Inilah sandiwara licik yang dilakukan Thailand untuk memperlekehkan ahli gabungannya termasuk Malaysia.

Sebab itulah, pelbagai pihak terutama peminat sukan tanah air memang berang dengan kenyataan Setiausaha MOM, Datuk Sieh Kok Chi bahawa pihaknya terpaksa akur kepada arahan badan induk antarabangsa itu. Berikutan itu, Hishammuddin kemudian mengarahkan tiga pegawai PSM agar membangkitkan isu berkenaan pada mesyuarat tergepar Istaf di Bangkok, selain mahukan MOM selaku jawatankuasa sukan dan teknikal Sukan Sea, memanjangkan perkara ini kepada (SGF). Kini, kita tidak boleh lagi bertolak ansur dengan kerenah kurang sopan pegawai-pegawai Thailand yang kalau diterjemahkan jelas memperbodohkan Malaysia sebagai tuan rumah Sukan Sea XXI.

Apa yang jelas, Istaf adalah badan induk yang sentiasa tidak menghormati ahli gabungannya selain bersikap mementingkan diri sendiri. Istaf yang dikuasai Thailand akan melakukan apa sahaja untuk kepentingan mereka. Mula-mula mereka mahu Marathon dan sistem kiraan 21 mata tetapi apabila melihat sistem itu menyusahkan Thailand, Istaf berjuang habis-habisan kembali kepada kiraan lama 15 mata. Kalau macam ini sikap mereka, adalah sukar untuk Malaysia menghormati Istaf. Kalau Istaf tidak menghormati Malaysia dan PSM, macam mana kita mahu menghormati mereka.

Mahu atau tidak mahu, Datuk Hishammuddin perlu tegas dalam membuat keputusan. Sebagai menteri sukan, hanya Hishammuddin boleh membuat kata

putus dalam hal ini. Bagaimanapun, melihat kepada mesyuarat khas yang dipengerusikan Ketua Setiausaha KBS, Zabri Min, sudah 15 hari berlalu, kita memang pelik kena payah sangat Hishammuddin mahu membuat kenyataan penggunaan bola rasmi acara sepak takraw Sukan Sea. Kita tidak usah jadi pengecut. Sebagai pejuang sukan negara, Hishammuddin kena bertindak cepat dan jangan sampai rakyat mengecam beliau lembap dan tidak berkualiti menjadi Menteri Belia dan Sukan. Kita juga tidak mahu melihat isu ini pun harus ditangani oleh Dr Mahathir sedangkan beliau banyak lagi tugas yang lebih berat mahu diselesaikan. Cukuplah Hishammuddin yang dipertanggungjawabkan sebagai menteri sukan berbuat sesuatu untuk mengajar sikap celupar musuh tradisi, Thailand pada temasya yang berlangsung di gelanggang sendiri September ini.

(END)